



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22 (29)
Tarikh : 28 Mac 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan,

PEKELILING PENGEZONAN SEMULA KAWASAN MENANGKAP IKAN DI PERAIRAN PANTAI BARAT SEMENANJUNG MALAYSIA

Adalah saya dengan segala hormatnya berhubung perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan, Jabatan telah mengkaji perkara ini secara mendalam sebelum membuat keputusan mengadakan sistem pengezonan baru bagi perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Ini adalah disebabkan sumber perikanan demersal di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia telah menghadapi keadaan yang agak meruncing di mana saiz ikan yang ditangkap adalah lebih kecil berbanding saiz ikan yang ditangkap pada 20 hingga 30 tahun lepas dan nelayan terpaksa berada lebih lama di laut untuk mendapatkan hasil pulangan yang ekonomik. Ini adalah merupakan dua (2) indikator utama yang menunjukkan sumber perikanan demersal yang menghadapi tekanan yang tinggi.
3. Zon penangkapan ikan sedia ada telah dilaksanakan sejak tahun 1982 lagi dan amatlah wajar sistem pengezonan tersebut perlu dikaji semula bagi mengikut perubahan masa dan peningkatan teknologi yang digunakan oleh para nelayan.
4. Sehubungan itu, YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah bersetuju dengan cadangan Jabatan agar pengezonan semula kawasan menangkap ikan dilakukan di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang **hanya melibatkan Negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah sahaja**. Berikut adalah

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

pengezonan kawasan menangkap ikan sedia ada yang telah dilaksanakan sejak tahun 1982 adalah seperti berikut:

- a) Zon A (0 hingga 5 batu nautika dari pantai) dikhaskan kepada sampan/vesel nelayan tradisional, usaha sendiri dan menggunakan 100% kru rakyat tempatan.
- b) Zon B (5 hingga 12 batu nautika dari pantai) dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 40 GRT dan ke bawah, usaha sendiri dan menggunakan 100% kru rakyat tempatan.
- c) Zon C (12 hingga 30 batu nautika dari pantai) dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 40 GRT – 69.9 GRT, bukan usaha sendiri dan dibenar untuk menggunakan 80% kru asing.
- d) Zon C2 (30 batu nautika ke atas sehingga ke perairan ZEE negara/ kawasan perairan sempadan negara) dikhaskan kepada vesel nelayan laut dalam bermuatan 70 GRT dan ke atas, bukan usaha sendiri dan dibenar untuk menggunakan 100% kru asing.

Oleh itu, Jabatan telah membuat keputusan **kawasan perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dizonkan semula** seperti berikut:

- a) **Zon Refugia Perikanan** (*Fisheries Refugia Area* atau RFA) (**0 hingga 1 batu nautika dari pantai**) dikhaskan sebagai RFA dimana aktiviti yang dibenarkan atau dilarang akan ditentukan oleh komuniti nelayan setempat. Selain itu, aktiviti akuakultur dibenarkan termasuk ternakan kerang dan kerang semula jadi serta pancing tidak melebihi 2 mata kail dibenarkan.
- b) **Zon A (1 hingga 8 batu nautika dari pantai)** dikhaskan kepada sampan/vesel nelayan tradisional, usaha sendiri dan menggunakan 100% kru rakyat tempatan.

c) **Zon B (8 hingga 15 batu nautika dari pantai)** dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 40 GRT dan ke bawah, usaha sendiri, boleh menggunakan pembantu tekong dan dibenarkan mengguna **80% kru asing**. **Semua vesel pukut tunda Zon B diwajibkan memasang alat VMS.**

d) **Zon C (15 hingga perairan sempadan antarabangsa)** dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 40 GRT dan ke atas termasuk vesel Zon C2, bukan usaha sendiri dan dibenarkan mengguna **100% kru asing**. **Semua vesel pukut tunda Zon C diwajibkan memasang alat VMS.**

5. Sehubungan itu, pengezonan semula kawasan menangkap ikan di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia ini hendaklah dicop di dalam buku lesen vesel yang berpangkalan di Negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah sahaja oleh Pejabat Perikanan Negeri / Daerah yang terlibat.

6. Selaras dengan itu, YBhg. Dato`/Tuan diminta untuk mengadakan majlis interaksi dan melakukan hebahan kepada setiap pihak berkepentingan mengenai pengezonan semula kawasan menangkap ikan di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia ini yang akan dilaksanakan **bermula 1 JUN 2014**. Kerjasama dan tindakan dari pihak YBhg. Dato`/Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)

Ketua Pengarah

Jabatan Perikanan Malaysia

PUTRAJAYA

Az/Surat_Pekelling

s.k

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Semua Pengarah Bahagian

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

Ketua Pengarah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Pengerusi
Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang